

21/01/2000

Tiada perubahan kuota di UiTM

Mohd Feroz Abu Bakar

NAIB Canselor, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Datuk Dr Ahmad Zaidee Laidin sekali lagi menegaskan bahawa tiada sebarang perubahan berkaitan kuota pelajar Bumiputera dalam pembentangan Akta ITM (1976) di Parlimen, baru-baru ini.

Katanya, semua soal dasar termasuk yuran pelajar dan peranan institusi itu untuk menghasilkan 70 peratus pelajar lulusan diploma kekal seperti saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tahun lalu.

"Akta ITM (1976) sudah dibentangkan untuk bacaan pertama dalam Parlimen bersama-sama Rang Undang-undang Perbekalan 2000 baru-baru ini.

"Bacaan kedua akan dilakukan oleh Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad bulan depan untuk meminda nama ITM dan perkara lain secara 'back dated'.

"Namun, tiada perubahan dari segi kuota pengambilan pelajar Bumiputera kerana UiTM tidak tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti (1974)," katanya di Hotel UiTM, Shah Alam, semalam.

Perubahan nama Institut Teknologi Mara (ITM) menjadi universiti penuh diumumkan oleh Dr Mahathir 26 Ogos lalu di Perhimpunan Perdana Siswazah ITM.

Pindaan Akta ITM (1976) turut melantik Yang Dipertuan Agong, Sultan Salahudin sebagai Canselor pertamanya dan jawatan Rektor ditukarkan kepada Naib Canselor Dr Zaidee sebagai penjawat sulung.

ITM pada mulanya dikenali Dewan Latihan Perbadanan Pembangunan Industri Luar Bandar (Rida) pada 1956 dengan pengambilan awal hanya 25 orang.

Namanya ditukar kepada Maktab Mara pada 1965 sebelum dinaikkan taraf kepada ITM pada 1967.

Pada 1970, institut itu diberi kuasa autonomi dan diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Akta ITM yang diluluskan Parlimen pada 1976 membolehkannya diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan, sebelum dipinda sekali lagi pada 1996 bagi membolehkannya menawarkan program peringkat ijazah.

UiTM kini merupakan universiti terbesar di negara ini dengan jumlah 75,000 pelajar, kampus induk di Shah Alam serta 15 kampus cawangan di seluruh negara dan dijangka membina empat lagi yang baru kelak.

Universiti itu mengunjurkan jumlah pelajarnya akan meningkat kepada 100,000 tahun ini dan 150,000 pada 2005.

(END)